



فَرَسَيْنَا عَنْ قُحَيْلٍ إِذَا زَجَلَ يَسْبِرُ قُحَيْتًا
مُحَمَّدًا كَرَامًا سَكَنَ لَبَنِيَّةً وَأَكَلَ مِنْ عَرَبِ بَنِي إِزْدَاقِ
يَا يَاسَنَ إِسْلَامَ كَلْتَنَ



Sejarah
1249/1
Kertas 1
Julai 2026
1 jam

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
TAHUN 2026 M / 1448 H

SEJARAH
KERTAS 1

JANGAN BUKA SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN :

1. Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu, A, B, C & D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan Sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, sila padamkan lorekan yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak

SULIT

© 2026 HAK CIPTA PERSIDANGAN PENGETUA YIK

PERCUBAAN YIK 2026 SEJARAH SPM

[LIHAT HALAMAN SEBELAH

[40 markah]

Jawab semua soalan.

1. Gambar berikut menunjukkan cap mohor.



Apakah fungsi peralatan tersebut?

- A Mengesahkan arahan Pembesar Berempat
 - B Mengesahkan arahan daripada sultan
 - C Menyimpan rekod pentadbiran
 - D Menyimpan rekod perniagaan
2. Siapakah golongan pemerintah semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka?
- A Ulama
 - B Petani
 - C Artisan
 - D Pedagang
3. Senarai berikut ialah akhbar yang berperanan dalam nasionalisme di Vietnam.

- *Tribune Indige*
- *Cloche Felee*

Apakah peranan akhbar tersebut?

- A Menyeru rakyat supaya memberontak
 - B Mengkritik sistem beraja Vietnam
 - C Mengkritik penindasan Perancis
 - D Menyeru rakyat bersatu padu
4. Bagaimanakah Maktab Perguruan Sultan Idris berjaya melahirkan semangat kesedaran bangsa?
- A Kewujudan Pejabat Keilmuan
 - B Kewujudan pusat penterjemahan
 - C Kemunculan pensyarah luar negara
 - D Kewujudan Pejabat Karang Mengarang



5. Jepun ingin mengeksplotasi kekayaan bahan mentah di Tanah Melayu dan Sarawak.

Mengapakah keadaan ini berlaku?

- A Propaganda Jepun
 - B Sekatan ekonomi Jepun
 - C Menonjolkan imej Jepun
 - D Operasi ketenteraan Jepun
6. Bagaimanakah Kerajaan Jepun di Tanah Melayu mengatasi masalah kekurangan pegawai dalam pentadbirannya?
- A Menubuhkan Koa Kunrenjo
 - B Meluaskan bidang kuasa Kempeitai
 - C Mengembalikan kuasa Raja Melayu
 - D Mengecilkan wilayah pemerintahan
7. Kegagalan Liga Bangsa selepas Perang Dunia Pertama menjadi pencetus Perang Dunia Kedua.
Apakah cabaran Liga Bangsa selepas Perang Dunia Pertama?
- I Perang Vietnam
 - II Krisis Manchuria
 - III Perjanjian Perlucutan Senjata
 - IV Kegagalan Perjanjian Versailles
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
8. Apakah isi kandungan Kertas Putih 6274?
- A Pengenalan Sistem Jemaah Menteri
 - B Bahasa Melayu sebagai Bahasa kebangsaan
 - C Raja-raja Melayu diberikan kuasa dalam pentadbiran
 - D Penubuhan sebuah pentadbiran berpusat di bawah jajahan British
9. Apakah matlamat perjuangan golongan nasionalis Melayu Radikal?
- A Menyatukan seluruh Tanah Melayu
 - B Memperjuangkan hak orang Melayu sahaja
 - C Berkompromi dengan penjajah untuk merdeka
 - D Bekerjasama dengan komunis untuk menentang British

10. Apakah matlamat Piagam Atlantik yang dirangka oleh British dan Amerika Syarikat pada bulan Ogos 1941?

- A Tiada lagi peperangan
- B Mewujudkan blok Junia
- C Tiada lagi perluasan wilayah
- D Mengadakan perbincangan antara negara

11. Maklumat di bawah berkaitan dengan perjuangan menentang Malayan Union di Tanah Melayu.

Tempat tinggal Amir telah dikuatkuasakan Undang-Undang Darurat

Antara berikut, perkara yang manakah perlu dihadapi oleh Amir?

- I Perintah berkurung
- II Penutupan sekolah
- III Program khidmat negara
- IV Pengeledahan rumah oleh pihak berkuasa

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

12. Apakah peranan utama pasukan Special Constables?

- A Mendapatkan maklumat PKM melalui perisikan
- B Mengawal keselamatan dalam Kampung Baru
- C Mengesan tempat persembunyian komunis
- D Mengawal ladang dan kawasan lombong

13. Penduduk tempatan Tanah Melayu dilantik sebagai Ahli dalam Sistem Ahli pada tahun 1951.

Apakah kebaikan pengenalan Sistem Ahli?

- A Mengukuhkan hubungan diplomatik
- B Mengukuhkan kuasa Raja-raja Melayu
- C Persediaan ke arah berkerajaan sendiri
- D Pengekalan sistem pentadbiran tradisional

14. Apakah hasil kerjasama Pakatan PUTERA-AMCJA?

- A Sistem Ahli
- B Perlembagaan Rakyat
- C Rundingan kemerdekaan
- D Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum

SULIT



15. Maklumat berikut berkaitan dengan pengundi Pilihan Raya Umum 1955.

Ahmad berhasrat untuk mendaftarkan diri sebagai pengundi untuk Pilihan Raya Umum 1955

Antara berikut, yang manakah syarat-syarat yang perlu dipatuhi?

- I Berumur 18 tahun ke atas
 - II Berumur 21 tahun ke atas
 - III Warganegara Persekutuan Tanah Melayu
 - IV Berpengetahuan dalam bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

16. Maklumat berikut berkaitan dengan Keputusan Pilihan Raya 1955.

Parti yang bertanding	Kerusi yang ditandingi	Kerusi yang dimenangi
Parti Perikatan	52	51

Apakah nilai yang dapat dikaitkan dengan keputusan tersebut?

- A Berdikari
 - B Keberanian
 - C Kesungguhan
 - D Permuafakatan
17. Siapakah yang mengetuai rombongan kemerdekaan ke London?
- A Tunku Abdul Rahman
 - B Dato' Abdul Razak Hussein
 - C Dato' Nik Ahmad Kamil Haji Mahmood
 - D Dato' Panglima Bukit Gantang, Dato' Haji Wahab Abd Aziz
18. Apakah yang berkaitan dengan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957?
- A Pengiktirafan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar
 - B Kewangan negara masih dikawal oleh British
 - C Kepentingan sah kaum lain dikurangkan
 - D Pengekalan jawatan Pesuruhjaya Tinggi



19. Peristiwa berikut berlaku pada jam 12 tengah malam tanggal 30 Ogos 1957 bertempat di Padang Kelab Selangor, Kuala Lumpur.

- Bendera Union Jack diturunkan
- Bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan

Apakah maksud peristiwa tersebut?

- A Keunggulan identiti negara
- B Peranan bendera kebangsaan
- C Kebebasan negara daripada penjajah
- D Upacara kemuncak pemasyhuran kemerdekaan

20. Bagaimanakah kedudukan kerajaan negeri mengikut Terma Suruhanjaya Perlembagaan?

- A Menghadkan kuasa tertentu
- B Membatalkan kuasa pentadbiran
- C Menyerahkan kepada daerah kecil
- D Mempunyai kuasa autonomi tertentu

21. Ciri negara berdaulat menjadikan Malaysia sebuah negara yang mempunyai identiti yang unik. Salah satu ciri negara berdaulat adalah mempunyai perundangan. Apakah kepentingan sistem perundangan?

- A Memudahkan urusan pentadbiran
- B Memelihara kesejahteraan
- C Menjamin kestabilan politik
- D Mempertahankan negara

22. Maklumat berikut berkaitan dengan usaha untuk memajukan ekonomi,

- Bidang Pertanian
- Bidang Perindustrian
- Bidang Perdagangan

Apakah dasar yang melaksanakan ekonomi tersebut?

- A Dasar Pembangunan ekonomi negara
- B Dasar pentadbiran negara
- C Dasar Kebudayaan
- D Rukun Negara

23. British telah memperkenalkan *Charter of Justice* di Negeri-Negeri Selat pada abad ke-19.

Mengapakah British memperkenalkan *Charter of Justice* tersebut?

- A Mempelbagai kegiatan ekonomi
- B Membendung keganasan komunis
- C Menghalang campur tangan kuasa asing
- D Mengelakkan penindasan terhadap penduduk

24. Apakah badan yang bertanggungjawab menggubal undang-undang di Negeri-negeri Selat semasa pemerintahan British?

- A Majlis Negeri
- B Majlis Persekutuan
- C Majlis Perundangan
- D Majlis Undangan Negeri

25. Maklumat berikut berkaitan dengan Majlis Sultan-Sultan semasa Malayan Union.

Gabenor Malayan Union mempengerusikan
Majlis Sultan-Sultan

Mengapakah penubuhan Majlis Sultan-Sultan semasa Malayan Union gagal diwujudkan?

- A Fungsi Majlis Sultan-Sultan telah dihadkan
- B Raja-raja Melayu menentang Malayan Union
- C Tiada kesepakatan dalam kalangan Raja-raja Melayu
- D Majlis Sultan-Sultan dipengerusikan oleh Gabenor Malayan Union

26. Antara berikut, yang manakah tugas Majlis Raja-Raja berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan?

- I Menolak pindaan perlembagaan
- II Menjadi penasihat dalam perubahan dasar
- III Menjadi Lembaga Pengampunan bagi kes-kes tertentu
- IV Memberi nasihat berkaitan dengan perantikan jawatan tertentu

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

27. Rajah berikut berkaitan dengan Kerjasama Pembangunan sosioekonomi.

Pembangunan Sosioekonomi
• Pembangunan tanah • Pembangunan koridor wilayah • X

Apakah X?

- A Pembangunan fizikal
- B Pembangunan In-Situ
- C Pembangunan wilayah
- D Pembangunan taman laut

28. Apakah agensi yang bertanggungjawab menguruskan Taman Negara Mulu Sarawak?

- A PERHILITAN
- B Jabatan Taman Laut
- C Perbadanan Perhutanan Sarawak
- D Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia

29. Idea pembentukan Malaysia dikemukakan pada akhir abad ke-19 yang melibatkan pihak British dan penduduk tempatan.

Siapakah tokoh yang terawal mencadangkan penggabungan Malaysia?

- A Lord Brassey
- B Geofroy Troy
- C Gerald Templer
- D Malcom MacDonald

30. Berikut adalah maklumat berkaitan peristiwa penentangan Indonesia terhadap pembentukan Malaysia.

Tahun	Peristiwa
20 Januari 1963	Melancarkan dasar konfrontasi terhadap Tanah Melayu
16 Januari 1963 – 27 Mac 1963	Tentera Indonesia melancarkan serangan gerila di Sarawak
Ogos – Disember 1964	Peristiwa X

Apakah peristiwa X?

- A Perbincangan isu serangan di PBB
- B Pendaratan gerila Indonesia di Johor
- C Pendaratan tentera Indonesia di Tebedu
- D Berbalas tembakan di Kalabakan, Sabah



31. Pembentukan Malaysia membawa pelbagai cabaran kepada negara. Apakah cabaran yang dihadapi oleh negara pada peringkat awal?
- A Memajukan sistem pendidikan
 - B Mengekalkan kedaulatan negara
 - C Mengukuhkan kestabilan pentadbiran
 - D Meningkatkan perdagangan antarabangsa
32. Yang di-Pertuan Agong telah memperkenankan penubuhan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) yang dipengerusikan oleh Tun Abdul Razak Hussein.



Apakah tanggungjawab MAGERAN?

- A Mewujudkan pusat perlindungan
 - B Menguatkuasa Akta Hasutan
 - C Menggantung kuasa tentera
 - D Mengisytiharkan darurat
33. Antara berikut, yang manakah/syor-syor dalam Kajian Aminuddin Baki?
- I Kurikulum yang sama
 - II Penggunaan bahasa seragam
 - III Sistem persekolahan aneka jurusan
 - IV Sekolah kebangsaan yang menggabungkan semua kaum
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
34. Jawatankuasa Kabinet yang ditubuhkan pada bulan September 1974 bertujuan untuk mengkaji semula pelaksanaan sistem Pelajaran kebangsaan. Apakah perkara yang terkandung dalam laporan tersebut?
- A Mewujudkan kemahiran sains dan teknologi
 - B Penegasan kepada Pendidikan kerohanian
 - C Memperkenalkan kursus kemahiran
 - D Penekanan mata Pelajaran tatarakyat

35. Apakah matlamat Dasar Penswastaan yang dilancarkan dalam Rancangan Malaysia Keempat pada bulan Mac 1983?
- A Memperhebat pembukaan tanah
 - B Meningkatkan kualiti perkhidmatan
 - C Menambah modal pemilikan bumiputera
 - D Memperbanyak syarikat milik pengusaha asing
36. Penyusunan semula modal saham dalam sektor korporat dilaksanakan di bawah Dasar Pembangunan Nasional bagi meningkatkan pegangan saham bumiputera. Apakah agensi yang terlibat bagi mencapai hasrat tersebut?
- A Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)
 - B Lembaga Pembangunan Bandar (UDA)
 - C Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS)
 - D Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)
37. Malaysia lantang menyuarakan bantahan terhadap Dasar Aparteid di Afrika Selatan. Mengapakah Malaysia berbuat demikian?
- A Hubungan dagang terhad
 - B Dasar komunis diamalkan
 - C Menggugat keselamatan Malaysia
 - D Menyalahguna hak asasi manusia
38. Penglibatan Malaysia dalam OIC dapat dilihat melalui pelantikan pemimpin negara dalam pertubuhan tersebut. Siapakah pemimpin Malaysia yang telah menjadi Setiausaha Agung yang pertama OIC?
- A Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj
 - B Tun Abdullah bin Ahmad Badawi
 - C Tun Abdul Razak bin Hussein
 - D Tun Hussein bin Dato' Onn
39. Malaysia tidak terkecuali daripada menghadapi pelbagai perkembangan yang berlaku pada peringkat antarabangsa. Apakah isu global yang dihadapi oleh Malaysia?
- A Peperangan negara serantau
 - B Kebanjiran pendatang asing
 - C Kempen anti minyak sawit
 - D Penguasaan ekonomi



40. Bagaimanakah pembakaran terbuka yang sering diamalkan oleh Negara Sedang Membangun boleh mendatangkan bahaya kepada seseorang?

- A Jerebu
- B Banjir kilat
- C Tanah runtuh
- D Peningkatan suhu

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT